

Headline	Sumbangan Wanita BN tarik ramai keluar mengundi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	11 May 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	12	ArticleSize	301 cm ²
AdValue	RM 5,949	PR Value	RM 17,847



Sumbangan Wanita BN tarik ramai keluar mengundi

Oleh **NURUL ANUAR KARI**
 pengarang@utusan.com.my

SEBELUM Tanah Melayu mula merdeka pada 1957 sehingga pembentukan Malaysia pada 1963, kaum wanita memainkan peranan besar dalam membentuk arena politik negara.

Tidak terkecuali, derma untuk penubuhan akhbar *Utusan Melayu* di Singapura dan sumbangan untuk Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ke London bagi membincangkan kemerdekaan negara secara aman daripada jajahan British banyak diterima daripada golongan wanita pelbagai peringkat.

Dalam politik tempatan, golongan wanita sentiasa menjadi majoriti pengundi sejak sekian lama sementara jentera parti juga banyak digerakkan kumpulan wanita daripada golongan muda sehingga kepada veteran yang tetap meneruskan perjuangan bangsa, agama dan negara.

Walaupun keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) tidak seperti diharapkan, golongan Wanita Barisan Nasional (BN) terbukti terus memainkan peranan besar bergerak aktif berjumpa para pengundi sehingga berjaya menarik kembali sokongan ramai pengundi yang beralih arah pada 2008.

Polarisasi kaum yang menjejaskan parti komponen kaum Cina juga tidak menghalang BN mengekalkan pemerintahan Pusat dan kebanyakan negeri melalui kemenangan majoriti kerusi hasil peningkatan sokongan kalangan pengundi Melayu/bumiputera dan India, terbukti melalui perbezaan kecil sahaja dalam undi populariti.

Bagi pensyarah di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Mohamad Faisal Keling, kejayaan BN mengekalkan kerajaan di peringkat Pusat dan negeri bukan kerana kepimpinan parti sahaja kerana sayap-sayap parti banyak menyumbang.

"Terbukti gerak kerja sayap Wanita dan Puteri ini berjaya menarik ramai pengundi keluar mengundi khususnya untuk memilih BN.

"Walaupun masih ada pihak yang melihat peranan wanita sebagai 'nasi tambah' sahaja, terbukti mereka sebenarnya tunjang kejayaan BN," katanya.

Menurutnya lagi, golongan wanita merupakan tulang belakang dalam memastikan kejayaan BN menarik sokongan pengundi melalui gerak kerja dan komitmen yang tinggi serta kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada perjuangan parti.

Beliau menasihatkan kepimpinan tertinggi BN melatih golongan wanita bermula dari peringkat Puteri lagi bagi menyambung peranan wanita dalam BN, kerajaan dan negara kelak.

"Golongan muda juga penyambung perjuangan Wanita BN dan dengan simulasi latihan sayap Wanita bersama Puteri, BN diberi ruang memahami kehendak generasi pelapis dalam perkembangan politik negara.

"Dengan peningkatan pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan wanita terutama sekali dalam BN, mereka juga perlu diberi peluang memainkan peranan lebih besar kelak," ujarinya.

Tambahnya, wanita perlu terlibat secara langsung dalam pembangunan yang akan diatur kerajaan dengan memberi ruang lebih luas dalam pentadbiran negara.

Mohamad Faisal berharap peluang kerajaan kepada golongan wanita akan membuktikan kepada masyarakat bahawa wanita juga boleh memainkan peranan besar seperti lelaki dalam membangunkan bangsa, agama dan negara.

"Di Barat, wanita diberi kepercayaan sehingga menjadi pemimpin utama dalam pentadbiran negara.

"Golongan wanita dalam BN juga mampu memainkan peranan besar khususnya golongan muda jika dilatih sebaiknya kerana mereka ini bakal menjadi pewaris menyambung perjuangan parti untuk bumi Malaysia ini kelak," tegasnya.



SEBAHAGIAN Wanita Barisan Nasional mempergiatkan usaha meraih undi berhampiran pusat undi ketika Pilihan Raya Umum Ke-13 pada 5 Mei lalu.